

Headline	Persidangan Zakat Sedunia kumpul pakar zakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	411 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,107
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,321



Persidangan Zakat Sedunia kumpul pakar zakat

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

SEBANYAK 64 kertas kerja dan penyelidikan dibentangkan pada persidangan Zakat Universiti Sedunia Pertama (WU1ZC 2011) yang berlangsung tiga hari di Dewan Tun Dr Ismail Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Persidangan anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Institut Kajian Zakat (IKAZ) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dihadiri 16 institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi dari sembilan negara meliputi Malaysia, Indonesia, Brunei, Arab Saudi, Australia, Algeria, Iran, Bangladesh dan Belgium.

Ketua Pengarah JAWHAR, Datuk Anan C Mohd berkata, antara hasil persidangan itu ialah menghasil dan mengeluarkan prosiding persidangan berkaitan

zakat yang akan dimuatkan dalam Jurnal Berwasid dan membawa kepada perancangan penubuhan pusat rujukan zakat dunia.

"Ia juga mewujudkan kumpulan penyelidik zakat dunia dan menghasilkan modal inovasi zakat," katanya berucap pada majlis perasmian WU1ZC 2011 yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil

Khair Baharom.

Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Prof Datuk Dr Abdullah Mohd Said.

Seramai 200 peserta menghadiri persidangan itu meliputi wakil agensi kerajaan dan swasta, Pusat Zakat dan Baitulmal, penyelidik dan aktivis zakat

dari dalam dan luar negara, ahli akademik dan pelajar IPT serta institusi kewangan,

takaful dan insurans.

Anan berkata, objektif utama program itu pula ialah mencetus idea bagi memantapkan pengurusan zakat kontemporari, menyediakan platform untuk mengumpul ilmu yang terbabit dalam kajian zakat dan meningkatkan jaringan pengamal zakat dengan ahli

akademik peringkat dunia.

Beliau berkata, program bermanfaat itu juga berjaya mengenal pasti bidang penyelidikan zakat dunia dan idea terkumpul berkenaan akan dikongsi oleh institusi zakat.

Katanya, kejayaan penganjuran WU1ZC 2011 akan menonjolkan reputasi baik negara kita yang mampu memikul tanggungjawab menyelaras, memantap dan memperkasa hal ehwal zakat di peringkat antarabangsa pada masa depan.

“Penganjuran persidangan zakat merupakan komitmen kerajaan dalam usaha mengimarahkan Islam di peringkat antarabangsa khususnya bagi membantu negara Islam yang kurang cekap dalam bidang pengurusan zakat”

Datuk Anan C Mohd
Ketua Pengarah JAWHAR

Headline	Persidangan Zakat Sedunia kumpul pakar zakat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	411 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,107
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,321



SEBAHAGIAN peserta WU1ZC 2011 di Dewan Tun Dr Ismail PWTC, Kuala Lumpur.